

13 NOV 2002

DR MAHATHIR: BAYARAN ISTIMEWA RM200 UNTUK PENERIMA PENCEN

KUALA LUMPUR, 13 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan pemberian bayaran istimewa untuk penerima pencen sektor awam sebanyak RM200 sekali gus yang akan dibayar dalam tahun ini.

Beliau berkata, syarat-syarat terperinci dan kaedah pembayaran akan dimaklumkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam kepada Persatuan-persatuan Pesara Kerajaan.

"Kerajaan sesungguhnya berharap bahawa pemberian ini akan sedikit sebanyak membantu dalam menangani sebarang masalah kewangan yang mungkin mereka alami," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Beliau berkata bayaran itu tidak ada kaitan dengan penyelarasan pencen di bawah undang-undang pencen atau pemberian Imbuhan Tambahan atau Bantuan Khas Kewangan kepada anggota sektor awam yang sedang berkhidmat.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan ketika membentangkan Bajet 2003 pada September lepas mengumumkan kerajaan akan membayar bonus berdasarkan satu bulan gaji dengan minimum RM1,200 kepada semua kakitangan awam.

Kerajaan memperuntukkan RM1.074 bilion bagi pembayaran bonus yang akan dibuat dua kali pada Oktober dan Disember.

Sementara itu, Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CEUPACS) menyambut baik pemberian bayaran istimewa itu yang disifatkan sebagai bukti keprihatinan kerajaan terhadap nasib pesara.

Presidennya, Datuk N. Siva Subramaniam berkata semua pesara wajar menghargai pemberian itu dan berterima kasih kerana walaupun kecil, ia mampu membantu mereka pada masa mereka memerlukannya.

Katanya, sumbangan itu amat bererti, lebih-lebih lagi pada musim perayaan yang tentunya memerlukan perbelanjaan yang lebih.

-- BERNAMA  
LES SOP NMO